

05 MAR 2001

Abdullah-Ezam (Bergambar)

ABDULLAH SERAH PADA POLIS SIASAT KENYATAAN EZAM

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau menyerahkan sepenuhnya tindakan kepada polis berhubung kenyataan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Ezam Mohamad Noor untuk mengadakan demonstrasi besar-besaran bagi menjatuhkan kerajaan.

"Ini adalah satu perkara di bawah tindakan polis. Kita percaya pihak polis tahu tindakan yang perlu diambil dan saya tidak akan campur tangan dalam hal ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku "A Policeman's Story", di sini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata kenyataan Ezam itu berniat jahat dan boleh mengancam keselamatan dalam negara.

"Ini adalah satu kenyataan yang berupa mengancam untuk menimbulkan huru hara dengan niat dan tujuan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam satu pilihan raya yang berjalan dengan baik," katanya.

Ezam dilaporkan membuat kenyataan itu dalam sebuah akhbar tetapi beliau kemudian menjelaskan bahawa demonstrasi yang dicadangkan itu bukan untuk menggulingkan kerajaan tetapi untuk membantah gejala rasuah dan kronisme.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Abdullah berkata: "Kita tidak pertimbangkan menggunakan ISA pada waktu ini."

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Parti Keadilan tidak pernah mempedulikan soal keselamatan, ekonomi dan sosial negara, sebaliknya hanya berjuang untuk membebaskan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Abdullah ketika ditanya mengenai rancangan demonstrasi itu berkata, kerajaan tidak akan membenarkan perkara itu dilakukan.

"Kita takkan benarkan. Ini kerja polis (untuk menghalang)," katanya.

"A Policeman's Story" ialah buku tulisan Datuk Mohd Pilus Yusoh, bekas anggota polis yang berkhidmat antara 1936 dan 1972.

Buku berkenaan adalah mengenai pengalaman Mohd Pilus sejak beliau menyertai pasukan polis sebagai konstabel pada 1936 sehinggalah bersara pada 1972 dengan menjawat jawatan terakhir sebagai Ketua Polis Perak dengan pangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya.

Buku setebal 256 muka surat itu turut mengisahkan pengalaman Mohd Pilus sebagai anggota polis ketika zaman Jepun, masa kemerdekaan dan pengalamannya ketika bertugas di beberapa tempat di negara ini.

Abdullah dalam ucapannya sebelum itu meminta lebih ramai lagi pegawai kanan kerajaan sama ada polis, tentera atau pun dalam perkhidmatan awam, menulis buku seumpama itu yang boleh menjadi inspirasi kepada generasi baru.

Katanya pengalaman itu bukan sahaja boleh menjadi perangsang kepada generasi muda malah boleh menjadi petunjuk dalam menangani isu dan cabaran berkaitan keselamatan dan sebagainya.

Abdullah berkata buku-buku berkenaan pengalaman anggota polis malah filem-filem berkaitan tentera dan polis misalnya, bukan sahaja sedap dibaca tetapi mampu menarik golongan muda untuk menyertai pasukan berkenaan.

-- BERNAMA

MS AR MAI